

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Thursday, October 11, 2018 11:48 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: UUM COLGIS ONLINE : PERANCANGAN STRATEGIK DAN PEMBINAAN JATI DIRI DI KEM BTN KULIM



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

11 OKTOBER 2018 / 02 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

PERANCANGAN STRATEGIK DAN PEMBINAAN JATI DIRI DI KEM BTN KULIM



Kem BTN Kulim, 29 Sept 2018 – Kem Bina Tatanegara (BTN) Kulim menjadi lokasi pilihan Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni (PPA), UUM COLGIS menganjurkan Bengkel Perancangan Strategik kepada barisan Majlis Tertinggi (MT) Persatuan Pelajar UUM COLGIS yang baharu sesi 2018/2019 berlangsung pada 27 hingga 29 September 2018. Seramai 110 orang MT persatuan mewakili sebelas (11) persatuan UUM COLGIS dan 11 orang penasihat persatuan terlibat menyertai bengkel tiga hari dua malam ini.

Bengkel tahunan ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada MT persatuan mengenai prosedur-prosedur permohonan mengadakan program, penyediaan kertas kerja secara online melalui sistem SAMS, kewangan dan perancangan almanak 2019.

Bengkel ini juga dapat mendidik peserta untuk menjadi seorang pemimpin yang mampu memahami peranan dan cabaran semasa serta bertanggungjawab dan jelas mengenai peraturan. Selain dari perbincangan mengenai perancangan strategik, kewangan dan kepimpinan, pelajar juga didedahkan dengan program *team building* iaitu Kembara Hutan. Pelajar-pelajar ini dipandu oleh tiga orang jurulatih Kem BTN di luar kawasan BTN.

Majlis perasmian penutupan bengkel ini disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Rusdi Omar, Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni UUM COLGIS. *"Bukanlah senang menjadi seorang pemimpin, seorang pemimpin perlu memastikan semua ahli persatuan bergiat aktif, mempunyai kesefahaman, kesepakatan yang tinggi antara ahli barulah dapat membentuk persatuan yang hebat dan dikenali di peringkat Malaysia mahupun dunia. Itulah peranan dan tanggungjawab seorang pemimpin di dalam menerajui persatuan masing-masing. Seorang pemimpin juga perlu mengetahui keperluan semasa ahli dan perlu peka kepada perkembangan semasa ahli persatuan"*

"Bukan mudah mengadakan program dalam keadaan kewangan yang kurang mengizinkan, tapi pemimpin perlu bijak memainkan peranan mereka untuk mengatasi permasalahan ini. Biar kuantiti program kurang, yang penting pelaksanaan program perlu ke arah program berimpak tinggi yang dapat memberi faedah yang berpanjangan kepada masyarakat setempat, persekitaran dan kepada pelajar itu sendiri", ujar Prof. Madya Dr. Rusdi Omar dalam majlis tersebut.

Sekian, terima kasih.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email :

colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS

 Please consider the environment before printing this e-mail





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.